

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Sila baca lembaran pendedahan produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli insurans Miscellaneous (Misc) Combo. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am)

Penyedia Khidmat Kewangan : Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad ("Kami")
Nama Produk : Insurans Miscellaneous (Misc) Combo

1. Apakah produk ini?

Polisi ini memberi perlindungan untuk Pecah Masuk, Wang, Kaca, Jaminan Setia, Jentera dan Peralatan, dan Liabiliti Awam. Perlindungan adalah atas/standard dan tiada perlindungan Kebakaran dalam produk ini.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Polisi ini melindungi:

- Seksyen 1 : Pecah Masuk
- Seksyen 2 : Wang
- Seksyen 3 : Kaca
- Seksyen 4 : Jaminan Setia
- Seksyen 5 : Jentera Dan Peralatan
- Seksyen 6 : Liabiliti Awam

Had/Jumlah Diinsuranskan untuk Seksyen 1 hingga 5 adalah secara terapung dan dalam agregat.

Tempoh perlindungan ialah selama setahun. Anda dikehendaki membaharui polisi insurans anda setiap tahun.

3. Berapakah premium yang saya perlu bayar?

Jumlah premium yang anda perlu bayar adalah berdasarkan pakej premium mengikut pelan yang disediakan.

	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4
Jumlah Premium (termasuk 6% GST)	RM2,500	RM3,200	RM4,000	RM5,000

4. Apakah yuran dan bayaran yang perlu saya bayar?

Jenis	Amaun
• Komisen yang dibayar kepada agen insurans	• 25% daripada premium
• Duti Setem	• RM 10.00

5. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?

- Insurans ini tertakluk kepada 60 hari warranty premium, contohnya premium mesti dibayar dan diterima dalam tempoh 60 hari dari tarikh permulaan polisi. Jika syarat ini tidak dipatuhi maka kontrak ini dibatalkan secara automatic dan penanggung insurans adalah berhak terhadap premium pro-rata dalam tempoh mereka menanggung risiko.
- Kepentingan pendedahan
 - Kontrak Insurans Pengguna

Menurut Perenggan 5 Jadual di bawah Akta Perkhidmatana Kewangan 2013, sekiranya anda memohon Insurans ini sepenuhnya bagi **tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda**, anda mempunyai kewajipan mengambil penjagaan munasabah supaya tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan dan/atau semua soalan-soalan yang dikehendaki oleh Allianz dengan penuh dan tepat dan mededahkan apa-apa perkara lain yang anda ketahui berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatkan kontrak.

- **Kontrak Insurans Bukan Pengguna**

Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya anda memohon Insurans bagi **tujuan berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda**, anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda ketahui sebagai berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai dan apa-apa perkara yang seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.

Kewajipan pendedahan ini bagi Kontrak Insurans Pengguna dan Bukan Pengguna akan berterusan sehingga masa kontrak tersebut dibuat, diubah atau diperbaharui. Anda juga mempunyai kewajipan memaklumkan kepada kami dengan segera sekiranya pada bila-bila masa, selepas kontrak insurans dibuat, diubah atau diperbaharui dengan pihak kami, sebarang maklumat yang diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah.

6. Apakah pengecualian utama dibawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kerugian tertentu seperti:

- Perang, Perang saudara dan apa-apa tindakan keganasan
- Risikoradioaktifdantenaganuklear
- Pengenalpastiantarikh
- Kerosakan harta kepada data atau perisian

Nota: Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk sampel kontrak polisi untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya batalkan polisi ini?

Anda boleh membatakan polisi ini dengan memberi notis bertulis kepada pihak kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pemulangan premium ditolak premium pada kadar tempoh singkat bagi tempoh polisi yang telah berkuatkuasa.

8. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pihak kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

9. Dari manakah boleh saya dapatkan informasi yang lebih terperinci?

Sekiranya anda memerlukan informasi tambahan mengenai produk Insurans Misc Combo atau mana-mana jenis produk insurans yang pihak kami sediakan, sila hubungi kami atau mana-mana cawangan kami atau dapatkan satu salinan daripada pengantara insurans anda atau layari laman web kami di www.allianz.com.my

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

**Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad
(licensed under the Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia)**

Allianz Arena

Customer Service Department

Block 2A, Ground Floor

Plaza Sentral, Jalan Stesen Sentral 5

Kuala Lumpur Sentral

50470 Kuala Lumpur

Allianz Contact Center : 1300 88 1028

Fax : 03-2264 8499

Email : customer.service@allianz.com.my

10. Lain-lain jenis perlindungan insurans serupa yang disediakan

- Polisi kelas individu seperti Kebakaran, Kerugian Berikutan Kebakaran, Pecah Masuk, Wang, Kaca, Jaminan Setia, Jentera dan Peralatan, Liabiliti Awam dan lain-lain.

NOTA PENTING:

ANDA HARUS MEMASTIKAN HARTA ANDA DIINSURANSKAN PADA AMAUN YANG BERPATUTAN. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN PENGANTARA INSURANS AND ATAU HUBUNGI TERUS KAMI UNTUK KETERANGAN LANJUT.

Informasi yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 02/08/2017.